



**PENERUSAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
(29 APRIL – 12 MEI 2020)
UNTUK WARGA UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

Assalamualaikum wrt dan Salam Sejahtera.

Semua warga kerja Universiti Utara Malaysia,

Lanjutan daripada ucapan YAB Perdana Menteri sempena Hari Pekerja pada 1 Mei 2020 yang menyebut bahawa, bermula 4 Mei 2020, hampir semua sektor ekonomi dan aktiviti perniagaan akan dibenarkan beroperasi tertakluk kepada syarat-syarat dan SOP yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Malah, walaupun semua sektor ekonomi dibuka, majikan boleh galakkan pekerja untuk bekerja dari rumah.

Selaras dengan arahan tersebut, adalah dimaklumkan bahawa Universiti Utara Malaysia (UUM) akan terus melaksanakan amalan bekerja dari rumah (Work From Home) sehingga 12 Mei 2020 atau sehingga ke suatu tarikh yang akan diumumkan kemudian.

Semua staf adalah diminta mematuhi Pekeliling Bekerja dari Rumah seperti yang telah dikeluarkan oleh Universiti pada 18 Mac 2020. Ini juga adalah selaras dengan arahan Kerajaan yang menggalakkan kakitangan Kerajaan bekerja dari rumah kecuali bagi proses kerja yang memerlukan keberadaan mereka di pejabat. Mesyuarat juga hendaklah diteruskan secara atas talian (online) kecuali yang betul-betul perlu sahaja boleh diadakan di pejabat dengan jumlah ahli yang minima dan mengikut garis panduan yang ditetapkan. Proses Pengajaran dan pembelajaran (PdP) juga hendaklah dilaksanakan secara atas talian (online) seperti yang diarahkan sebelum ini.

Kebenaran untuk staf hadir bekerja di premis Universiti Utara Malaysia hanya akan diberikan kepada staf yang mempunyai tugas yang perlu atau kritikal sahaja seperti *essential services* sebagaimana amalan sedia ada yang memerlukan keberadaan mereka di kampus UUM.

Pihak Universiti akan memaklumkan sebarang perkembangan terkini dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**Pendaftar
Universiti Utara Malaysia**

Dikeluarkan pada 2 Mei 2020